

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 10 BILANGAN 31 RABU 10 NOVEMBER, 1965. 1385 رجب 17 PERCHUMA

Walau Pun Kolera Di-Hapuskan

Orang Ramai Di-Nasehatkan Mengelakkan Serangan-nya

BANDAR BRUNEI. — Penolong Menteri Perubatan dan Kesehatan, Brunei Yang Berhormat Pehin Bendahari China, Awang Hong Kok Tin telah mengesahkan Brunei sa-bagai "sehat wal'afiat dan puleh saperti sedia kala" dari serangan penyakit 'Kolera' yang berleluasa di-negeri ini selama kira2 dua bulan yang lalu.

Pengsahan ini di-buat beliau dalam satu ucapan khas melalui Radio Brunei yang telah di-terbitkan pada hari Rabu 3 November yang lalu, pada pukul 8.15 malam.

Penyakit itu telah menyerang negeri ini dalam bulan September yang lalu dan serangan-nya yang pertama yang dapat di-kesan ialah di-Kampung Bunut dan Kampung Subok dalam Daerah Brunei.

Dari serangan penyakit itu juga telah menyebabkan sa-bahagian besar perayaan bagi menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang ke-49 telah terpaksa di-batalkan.

Dalam ucapan-nya itu, Awang Hong Kok Tin menegaskan bahawa perintah berkurong bagi beberapa buah rumah yang diserang penyakit itu telah di-batalkan dan mereka telah bebas menchari penghidupan masing2 dengan aman damai dalam sehat wal'afiat.

Panggong2 wayang di-Bandar Brunei serta kedai2 makan dan penjaja2 yang telah di-perintahkan supaya di-tutup dari menjalankan perniagaan mereka telah di-buka sa-mula dan kehidupan penduduk2 di-seluruh negara puleh saperti sedia kala.

Beliau sa-terus-nya menyatakan bahawa keadaan dan kehidupan yang menggembirakan ini ada-lah di-sebabkan kebijaksanaan dan ketabahan serta usaha baik dari beberapa pejabat yang berkenaan baik dari Jabatan2 Kerajaan, persatuan2, mahu pun orang ramai dan lain2 badan.

Atas kebijaksanaan dan kerjasama itu, beliau mengucapkan terima kasih dan sa-tinggi2 penghargaan dan dari jasa baik mereka itu telah di-sifatkan beliau sa-bagai membawa kemakmoran dan kesentosaan negara dan ra'ayat negeri ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih itu telah di-tujukan beliau kepada Pegawai2 Perubatan dan Kesehatan, Pegawai2 di-Jabatan2 Daerah, Pejabat Pengawasan Malaria, Pulis, Imigresen, Kastam, Pejabat Laut, Bandaran,



Y.B. Pehin Bendahari China
Awang Hong Kok Tin.

Pejabat Pelajaran, Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kerja Raya, Pasokan tentera British, Askar Melayu Diraja Brunei, Ahli2 Persatuan Pengakap, Pandu Puteri, Palang Merah, ahli2 dan badan2 perniagaan di-seluruh negeri, Penghulu2 dan Ketua2 Kampung serta orang2 persa-orangan yang telah siap sedia untuk memberikan tenaga suka-rela mereka.

Beliau telah juga mengucapkan tah'niah kepada masyarakat umum atas kerjasama dan ketabahan hati masing2 dalam menghadapi mala petaka yang amat merbahaya itu.

Walaupun penyakit itu telah dapat di-hapuskan, tetapi beliau

meminta kerjasama terus-menerus dari semua lapisan ra'ayat di-negeri ini supaya menjaga kesehatan, kebersihan bagi mengelakkan serangan penyakit2, bukan saja penyakit kolera, bahkan penyakit lain juga.

Kata-nya: "Hanya keadaan yang sehat wal'afiat itu sahaja yang membolehkan kita bergerak dan menumpukan tenaga bagi membena negara kita ini sa-bagai sa-buah negara yang sehat dan berdaulat.

Dalam ucapan-nya itu, Awang Hong Kok Tin juga telah membentangkan beberapa rancangan Jabatan Perubatan dan Kesehatan yang di-sifatkan beliau sa-bagai memperbaiki dan meninggikan taraf kesehatan bagi seluruh perengkat masyarakat.

Awang Hong Kok Tin menegaskan lagi bahawa dalam gerakan dan azam Kerajaan untuk memperbaiki dan meninggikan taraf kesehatan ra'ayat di-negeri ini ada-lah tergantung kepada dua faktor yang penting ia-itu:

* Kerjasama seluruh lapisan masyarakat dalam menunai-

(Lihat Muka 8)



Dato Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar (kiri) dan Jurutulis Majlis2 Mashuarat, Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim (kanan) telah berangkat ka-United Kingdom dengan kapal terbang pada petang hari Rabu 3 November, 1965 untuk menyaksikan Persidangan Parlimen British dan Majlis2 Persidangan yang lain di-sana.

Gambar ini di-ambil di-Lapangan Terbang Brunei sa-belum beliau2 tersebut berlepas ka-Singapura dalam perjalanan ka-United Kingdom pada petang hari tersebut.

Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Tutong

TUTONG. — Majlis Mashuarat Daerah Tutong dalam persidangan-nya pada hari Khamis 4 November, telah meluluskan untuk menasehatkan Kerajaan supaya kalbat yang di-pakai di-sapanjang jalan di-rumah2 tepi jalan raya yang memakai bayaran pada masa ini hendak-lah diturunkan mengikut chara lama, tidak memakai bayaran.

Usul itu telah di-kemukakan oleh Awang Metali bin Orang Kaya Haji Talib, Wakil Kawasan Penanjong dan Keriam dan di-luluskan dengan suara ramai, ia-itu 11 suara menyukong dan 2 suara menentang usul itu.

Sa-belum majlis di-tanggohkan. Yang Berhormat Awang Mohamed Zain bin Serudin, Wakil Kawasan Tanjong Maya telah bertanya bahawa ada-kah

Kerajaan berpuas hati atas langkah Jabatan Perubatan Brunei mengubat orang2 sakit di-Kampung Tanjong Maya dengan memakai helikopter?

Jawapan-nya: Kerajaan ada-lah berpuas hati.

Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman telah mempergunakan persidangan tersebut.

Pilehan Raya Pengkalan Batu

PENGKALAN BATU. — Pilehan Raya Kechil Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara bagi Kawasan Pengkalan Batu akan di-adakan pada hari Sabtu 13 November, 1965.

Chalun2 yang akan bertanding ialah Awang Haji Bakar bin Awang Hashim dan Awang Silim bin Awang Sapor.

Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Tutong:

So'al Jawab Bertulis

TUTONG. — Dua orang Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah Tutong telah mengemukakan empat so'alan dalam persidangan Majlis Mashuarat Daerah Tutong pada pagi hari Khamis 4 November, 1965.

Mereka ia-lah Yang Berhormat Awang Md. Zain bin Serudin, Wakil Kawasan Tanjong Maya dan Awang Ibrahim bin Haji Md. Serudin, Wakil Kawasan Layong.

So'alan2 yang di-kemukakan oleh beliau2 tersebut dan jawapan2 bertulis oleh Kerajaan yang telah di-bentangkan dalam persidangan tersebut ada-lah seperti berikut:

So'alan2 oleh Yang Berhormat Awang Md. Zain bin Serudin:

PEMBENAAN JAMBATAN

So'alan 1: Apa-kah menyebabkan terhenti-nya penyelaksana-

an pembenaan jambatan di-hadapan kedai2 Pekan Tutong?

Jawapan 1: Jambatan (Jetty) di-hadapan kedai2 di-Pekan Tutong itu terpaksa di-bertentikan kerana pemborong yang mengerjakan kerja itu tidak dapat menyewakan "piling frame" yang sekarang berada di-Temburong. Pemborong ini akan meneruskan pembenaan Jetty ini apabila "piling frame" ini di-beri katangan-nya dalam sedikit masa lagi.

MELAWAT KA-LUAR NEGERI

So'alan 2: Apakah ulasan pihak Kerajaan mengenai usul yang telah di-luluskan dalam persidangan ka-4, pada 1 Julai, 1965, ia-itu "Bahawa Majlis Mashuarat Daerah Tutong yang bersidang pada hari ini mengambil keputusan memohon kepada Kerajaan supaya memberi peluang pada Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah untuk melawat ka-luar negeri guna memerhati dan meninjau kemajuan2 serta perkembangan di-sa-sabuh negeri yang di-lawati itu?

Jawapan 2: Belum ada.
So'alan2 oleh Awang Ibrahim bin Haji Md. Serudin:

HARGA2 IKAN

So'alan 1: Adakah kemungkinan pihak Kerajaan akan membuat peratoran bagi menetapkan harga ikan itu?

Jawapan 1: Belum ada.

KLINIK UNTUK KAMPONG

So'alan 2: Adakah kemungkinan pihak Kerajaan akan membangunkan Klinik2 untuk kampung2 yang berpatutan?

Jawapan 2: Jawapan akan di-beri pada mashuarat yang akan datang.

Jawatan Kosong: Penulong Pengarang Di-Pejabat D.B.P. Brunei

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan Penulong Pengarang di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, (satu jawatan kosong).

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (a) Pemohon2 hendak-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan bahasa Melayu yang baik.
- (b) Mempunyai kebolehan dan pengetahuan yang baik dalam hal karang mengarang.
- (c) Ada pengalaman sebagai sa-orang pengarang atau pembantu pengarang dari

majallah2 dan akhbar2 sa-kurang2-nya dua tahun.

Gaji:—Dalam sukatan gaji \$350-370 380x20-600 sa-bulan.

Sharat2 Lantekan:—Chalon yang bukan ra'ayat Sultan akan di-lantek sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk 6 bulan yang pertama sebagai dalam perhubungan. Pembaharuan kontrek ada-lah di-atas persetujuan bersama.

Baksis:—Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar

apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:—Pada masa ini tidak ada di-kenakan Chukai Pendapatan dalam Negeri Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari-pada 20 November, 1965.



Gambar ini di-ambil se-lepas Pemimpin Kadet Maktab Perguruan Melayu Brunei, Dayang Zawayah Othman (duduk bilangan kedua dari kanan) menyampaikan Pingat2 Tenderfoot kepada Pasokan Kadet Sekolah Melayu Sengkuring.

Peraduan Bachaan Al-Koran Daerah Temburong

BANGAR, TEMBURONG. — Sa-ramai 10 orang peserta termasuk tiga orang perempuan telah menyertai peraduan membachaa kitab suci al-Koran peringkat Daerah Temburong yang telah di-langsungkan di-Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar pada pagi hari Sabtu yang lalu.

Dalam peraduan tersebut, gelaran Johan bahagian lelaki telah di-menangi oleh Awang Ahmad bin Tengah dari Labu Estate; Naib Johan, Awang Damit bin Ali Hassan dari Pulau Berbung dan yang ke-tiga di-menangi oleh Awang Abdul Latif bin Orang Kaya Muda Haji Hassan dari Bangar "A".

Dalam bahagian perempuan pula gelaran Johan telah di-menangi oleh Dayangku Saleha binte Pengiran Abdul Rahman dari kawasan Bangar "A"; Naib Johan di-menangi oleh Dayang Aisah binte Hassan dari kawasan Bangar "B"; dan yang ke-tiga di-menangi oleh Dayang Aini binte Asut dari kawasan Labu Estate.

Johan dan naib johan dalam kedua2 bahagian akan mewakili Daerah Temburong dalam peraduan peringkat negeri yang akan di-langsungkan di-Bandar Brunei dalam bulan hadapan.

Hadiah2 kepada pemenang2 lelaki dalam peraduan itu telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan, sementara hadiah2 kepada pemenang2 bahagian perempuan di-sampaikan oleh isteri beliau, Wan Khatijah binte Wan Ya'akop.

Pegawai2 Baru Persatuan Penuntut2 Brunei Di- United Kingdom

LONDON. — Ahli2 Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom telah mengadakan satu Pilehan Raya di-Dewan Rumah Brunei, 34 Leinster Square, London pada 16 Oktober, 1965 untuk memilih Pegawai2 Baru persatuan itu.

Seramai enam puluh orang ahli2 Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom telah hadir di-majlis itu.

Turut hadir di-majlis tersebut ia-lah Penaong2 Persatuan tersebut, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanah Bolkihah dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkihah.

Keputusan Pilehan Raya tersebut ada-lah seperti berikut:—

Yang Dipertua: Awang Mohd.

Ali Daud. Penulong Yang

Dipertua: Awang Adenan

Haji Bakar.

Setia Usaha Agong — Awang

Jaya Latif. Penulong Setia

Usaha Agong — Dayang Siti

Hajar Yusof.

Pegawai Kewangan — Awang

Daniel Haji Hanafiah. Pe-

meriksa Kira2 — Awang

Chin Yin Wah.

Pegawai Penerangan — Awang-

ku Sani Pengiran Ahmad.

Pegawai Sosial dan Kebaji-

kan — Awangku Asmalee

Pengiran Ahmad.

Setia Usaha Sukan — Awang

Damit Othman.

Ahli Jawatan Kuasa — Awang

Rosli Omar. Berita kiriman

Pegawai Penerangan Per-

satuan Penuntut2 Brunei di-

United Kingdom, Awang-

ku Sani Pengiran Ahmad.

Sejarah Raja Ayang

Banyak orang mengetahui mengenai cerita 'Ajong Batu'. Menurut sejarah, ketika Brunei dalam pemerintahan Sultan Bol-kiah, dagang dan hasil negeri ter-lalu mewah.

Sebab itu-lah kebanyakan pe-muda2 Brunei terutama-nya yang menjadi saudagar, pergi be-layar keluar negeri untuk ber-niaga dan meninjau serta mem-pelajari adat resam orang.

Salah sa-orang yang terlibat dalam pelayaran itu ia-lah 'Nakhoda Manis', sa-orang pemuda yang kaya kerana harta yang di-tinggalkan oleh ayah-nya. Ber-puluh tahun lama-nya, dia be-layar dengan meninggalkan ibu-nya yang sudah tua itu.

Ibu-nya terlalu kaseh dan sa-yang kepada anak-nya yang ha-nya sa-orang itu. Sa-tiap hari dia bersedekah dan sa-tiap Juma'at dia mengadakan kanduri untuk mendo'akan agar anak-nya itu sentiasa dalam selamat.

Oleh kerana terlalu di-goda oleh perasaan kaseh sayang ter-hadap anak-nya itu, keadaan bersedekah dan do'a selamat bagi keselamatan anak-nya itu di-amalkan-nya sa-bagai satu perkara yang mesti, hingga-lah harta-nya yang banyak, di-darat dan di-laut habis dan ibu yang malang itu jatuh miskin.

NAKHODA MANIS

Pada suatu hari pechah-lah khabar di-Brunei yang menga-takan bahawa sa-buah jong bes-er ada berlaboh dan jong itu di-punyai oleh Nakhoda Manis.

Mendengar akan berita itu, si-ibu itu pun pergi ka-laut untuk mendapatkan jong yang besar itu dengan hanya memakai 'jum-pong' (perahu kecil) dan ber-pakaian koyak rabak.

Apabila di-lihat oleh Nakhoda Manis akan perempuan tua yang menda'wa yang nakhoda itu anak-nya, maka dengan tidak banyak bichara lagi Nakhoda Manis berpekik dan tidak me-ngakui yang perempuan tua itu ia-lah ibu-nya, kerana rupa-nya terlalu hudoh dan miskin. Ber-tambah lagi, isteri-nya yang chantek dan mengetahui segala kekayaan itu sedang berada di-sisi-nya.

Akhir-nya, orang tua itu pun beredar dari situ dengan berdo'a dan tidak mengizinkan ayer susu-nya yang di-minum oleh anak-nya itu.

MENJADI BATU

Sa- ketika itu juga turun-lah ribut yang amat dahshat dan Nakhoda Manis berserta dengan kapal dan sekalian isi-nya pun menjadi batu. Kesan-nya yang abadi maseh dapat di-lihat se-karang ini. Batu itu berkeadaan

oleh Awang Muslim Burmat

Dalam keluaran Pelita Brunei bertarikh 27 Oktober, 1965 pembacha telah dapat mengikuti satu renchana sejarah Brunei Tua mengenai dengan sejarah rengkas "Batu Pilon2an" dan "Lumut Lunting".

Renchana itu ada-lah merupakan cheramah radio oleh Awang Muslim Burmat mengenai "Cherita2 Dongeng dan Kesan2-nya" dan sambongan dari cheramah beliau itu kita siarkan lagi pada keluaran ini.

Kali ini, Awang Muslim akan mencheritakan serba regkas mengenai dengan "Sejarah Raja Ayang" yang kubor-nya dapat di-saksikan pada masa ini yang letak-nya di-hadapan bangunan Pejabat Pos, Bandar Brunei.

Sa-tengah2 orang menggelarkan kubor itu sa-bagai "Kubor Dayang Ayang".

Sa-lain dari cherita rengkas "Kubor Raja Ayang" itu, pembacha juga akan dapat mengikuti cherita "Nakhoda Manis".

Di-muka ini kita perturunkan cheramah Awang Muslim sa-terus-nya:—

saperti Jong terletak kira2 dua batu di-Ulu Sungai Brunei.

Sa-benar-nya, banyak lagi che-rita2 lain yang bukan saja ber-kesudahan menjadi batu, saperti yang saya sebutkan di-atas.

Di-sini saya ingin menyatakan cherita kekuatan Brunei pada zaman dahulu pada mengamalkan ajaran Ugama Islam.

SULTAN SHARIFF ALI

Sejak Sultan Shariff Ali, Uga-ma Islam mula bertapak dengan kukoh-nya di-Brunei, maka Sul-tan2 kemudian-nya pun bekerja keras dan menjalankan perintah2 ugama itu dengan saksama-nya.

Misal-nya, jika sa-saorang hamba ra'ayat melakukan per-zinaan, maka orang itu akan di-hukum saperti di-dera, di-palang atau di-bubu.

Pada suatu hari terjadi-lah perbuatan sumbang antara kedua orang anak raja yang adek ber-adek. Oleh sebab baginda Sultan tidak tergamak untuk menghu-kom kedua putera dan puteri itu saperti hukoman2 yang telah di-jatuhkan kepada orang lain, maka bermashuarat-lah baginda dengan sekalian menteri2 dan pembesar2 negara.

Akhir-nya satu keputusan telah di-chapai ia-itu kedua mereka itu mesti-lah di-singkirkan dari pada mata umom supaya cherita yang tidak di-ingini itu tidak merebak.

Maka di-buat-lah sa-buah gua di-dalam tanah. Di-muka bumi gua itu, di-buatkan serumbong untuk tempat pernafasan dan tempat asap keluar.

Di-dalam gua itu juga di-masokkan segala kelengkapan dan barang2 makan sa-chukup-nya, kemudian kedua mereka itu beserta dayang2 sekalian-nya pun masuk ka-dalam-nya.

Khabar-nya, sa-sudah empat puluh hari asap tiada keluar lagi

maka nisan pun di-tanamkan orang.

Kubor itu sekarang ini di-ang-gap keramat dan maseh di-da-pati di-tengah2 Bandar Brunei di-kenali dengan 'Kubor Raja Ayang'.

Cherita dongeng yang saperti ini telah dapat meninggalkan kesan yang menjadi kenang2an be-tapa kuat-nya raja2 dahulu men-jalankan ajaran Ugama. Dan sa-bagai kesan yang lain juga ia-lah dapat menguatkan kita di-segi sejarah bahawa kemasokan Islam ka-Negeri ini sejak awal2 lagi.

Menurut cherita-nya pun, che-rita tersebut berlaku belum be-rapa lama sa-telah kemangkatan Sultan Shariff Ali.



Gambar ini di-ambil sa-belum di-langsungkan Perkhayatan Tarek Kalat bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada petang hari Sabtu 30 Okto-ber, 1965. Dalam gambar ini ke-

Sa-chara keseluruhan-nya che-rita2 dongeng telah membawa-kan kesan2 yang besar arti-nya dalam sejarah penghidupan bang-sa kita pada bahagian kebang-kitan awal negeri ini.

Sastera2 lama telah banyak mengambil tempat dalam kemu-daan suasana negara dan masha-rakat semi-primitive itu. Hingga-lah kapada hari ini kita tidak ragu2 mengambil suatu kesimpul-an bahawa kesan2 dan pengaruh cherita2 dongeng itu bukan saja pada sejarah tapi juga pada ke-nangan masharakat umom.

CHERITA DONGENG

Dan, sa-bagai suatu cherita yang masing2 membawa ke-istimewaan-nya tetap akan di-cheritakan dari masa ka-samasa. Dan kapada sastera, khas-nya sastera lama tidak sa-dikit sum-bangan yang di-perolehi dari-pada-nya sa-bagai suatu sastera yang terpelihara demi melam-bangkan kemurnian hidup di-dunia sa-belah sini.

Sa-benar-nya ada banyak lagi cherita2 dongeng tanah ayer yang erat hubungan-nya dengan sejarah dan kesan2-nya dapat di-lihat hari ini. Cherita2 itu mem-bawakan moral dan tauladan yang tinggi mutu-nya.

Bagi saya, sa-bagai pengharga-an yang paling sesuai terhadap cherita2 dongeng, milik bangsa saperti ini-lah yang layak di-gelarkan 'sastera Bangsa'.

li'atan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bersabda de-ngan bekas Pengawal Kastam dan Bea Negeri Brunei, Awang R.E. Chater dan isteri-nya yang telah tiba di-Brunei dari Kuching, Sara-wak baru2 ini.

BAHASA SA-BAGAI ALAT BAGI PERPADUAN

RAAYAT oleh Awang Ibrahim Mohd. Said

Sa-bagai penjelasan sa-penohnya mengenai sikap dan tugas DBP terhadap pembangunan bahasa dan sastera di-negeri kita ini, mari-lah kita tinjau kembali sari2 ucapan yang telah disampaikan oleh Pengarah DBP sendiri sa-waktu upacara perletakan batu asas bangunan baru DBP dan JPP yang antara lain telah menjelaskan, bahawa tanpa bahasa suatu negara tidak akan hidup dengan sempurna, kerana bahasa ada-lah alat yang menggerakkan perpaduan raayat di-sa-sabuah negeri itu.

Di-dorong oleh kesedaran inilah Kerajaan telah mendirikan DBP, dan telah menjadikan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi negara.

PETUALANG

Pengarah DBP telah menegaskan selanjut-nya, bahawa memang banyak kesulitan2 yang harus di-hadapi, kerana sikap2 sa-bagai yang telah saya jelaskan tadi, bahawa ada petualang2 yang mengatakan bahawa Bahasa Melayu tidak lengkap, tidak tepat pengertian-nya sehingga tidak mungkin ia-nya digunakan dalam lapangan pekerjaan sa-hari2 dan tidak layak dijadikan sa-bagai bahasa rasmi.

Di-tegaskan lagi, bahawa Bahasa Melayu pernah menjadi Lingua Franca di-zaman gemilang-nya Sri Widjaya KM VI-IX, pernah menjadi bahasa pengantar di-perguruan tinggi zaman itu.

Hanya pengaruh penjajahanlah yang telah berusaha untuk melenyapkan kemampuan Bahasa Melayu sa-bagai suatu bahasa yang berdaulat.

Telah jelas kepada kita bahawa sikap dan dasar Kerajaan negeri ini, telah bulat dengan tidak yang penoh untuk menjadikan Bahasa Melayu-lah bahasa rasmi yang tunggal bagi negeri ini.

TENAGA RAKSASA

Maka demikian, untuk mengujudkan suatu tenaga raksasa bagi menjayakan maksud itu, perpaduan, perasaan saling mengerti dan menghargai di-kalangan ra'ayat-lah yang terutama mesti di-sedari.

Pertelingkahan sifat yang senghaja bena tak bena pada unsur2 perkembangan dan kemajuan yang sedang di-gerakkan melalui saloran2 yang tertentu itu adalah suatu sikap yang merugikan kepada perkembangan dan kemajuan negara.

Bahasa sa-bagai alat yang penting dalam pelaksanaan kemajuan di-bidang ilmu pengetahuan ada-lah suatu faktor penting sa-bagai daya dorong yang paling ampoah menuju kearah itu.

Suatu masaalah yang menjadi soal di-dunia saat ini ia-lah me-

ngenai tugas bahasa. Dalam suatu masyarakat yang sederhana, bahasa memang-lah sa-kadar alat hubungan antara satu dengan lain, dalam keperluan hari2 sa-bagai alat penyataan perasaan. Namun dalam masyarakat bangsa yang moden, bahasa adalah mengambil peranan yang penting dalam jurusan2 besar seperti perkembangan ilmu pe-

Dalam pendidekan, ilmu pengetahuan, kebudayaan bahkan dalam urusan keagamaan pun bahasa mempunyai peranan yang penting erti-nya, kerana bukanlah dalam prinsip keagamaan sendiri, perintah2 dalam urusan keagamaan juga di-sampaikan dengan perantaraan bahasa.

PENGERTIAN BAHASA

Betapa besar-nya pengertian bahasa dalam kekuasaan atau sa-bagai alat dalam kekuasaan negara, bukan hanya mempunyai faktor dari sudut siasah, ekonomi atau industri, malah boleh dikatakan pengaruh mutlak dari pemerintah kepada ra'ayat di-sabuah negara.

Dengan ada-nya suatu bahasa persatuan dalam sa-buah negara, maka anggota masyarakat dalam negara itu akan menjadi suatu tenaga yang bulat dan kukoh, hal mana akan dapat merumuskan suatu jurusan fikiran yang selaras dan sa-imbang dengan tujuan pemerintah dan negara.

Kita di-sini harus dapat mengimbangi dan melihat betapa bahasa dan bangsa negara2 yang maju di-dunia.

Lihat bahasa Inggeris yang kini menjadi suatu bahasa imperium dunia. Ia-nya telah dibangun di-atas dasar yang kukuh oleh bangsa Inggeris dalam tempoh 400 tahun.

SUMBANGAN

Ia telah tumbuh dari lidah putera-puteri Inggeris menjadi suatu bahasa kebangsaan yang tunggal; dalam itu-lah ia telah menjadi jiwa yang berpengaruh dalam chara berfikir ra'ayat dan bangsa Inggeris.

Sumbangan-nya tidak kechil kepada Inggeris dalam menduduki takhta sa-bagai raksasa dalam kekuasaan dunia.

Soal yang tegas, yang harus di-hadapi oleh bangsa kita di-negeri ini ia-lah membulatkan tidak untuk mengujudkan suatu masyarakat yang tegoh mendokong dasar satu bahasa dan satu negara, bahasa rasmi tunggal kita ada-lah Bahasa Melayu.

Kewajiban ini, harus-lah menjadi satu asas utama dari kehidupan kita.

Mari-lah kita bersama2 berdiri dengan tegas untuk menghadapi persoalan2 dalam masa-lah ini yang perlu kita selesaikan, dan semoga Bahasa Melayu yang kita chintai ini akan terus hidup seimbang dengan zaman moden sekarang ini.

Kerana sa-bagai yang telah dijelaskan tadi, usaha2 perseorangan bukan-lah suatu perkara yang boleh menyelesaikan persoalan, tanpa kerjasama dari masyarakat yang menggunakan masa-lah itu.

Soal bahasa bagi kita ada-lah merupakan soal hidup atau mati-nya suatu bangsa dan negara.

Untuk hidup sa-bagai suatu bangsa dan negara, maka bahasa harus hidup dan bertenaga.

Sabelas orang pemuda pemudi dari Tenom, Sabah telah melawat ka-Brunei baru2 ini di-bawah anjoran Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Brunei. Mereka telah diketuai oleh Chegu Julia Chang, sa-orang Guru Sukarela dari San Francisco, California, Amerika Sharikat yang kini mengajar di-sabuah sekolah di-Tenom.

Semasa berada di-negeri ini, para pelawat itu telah di-ra'ikan di-majlis2 jamuan oleh Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei, Persatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan, Brunei dan juga melawat ka-beberapa tempat di-negeri ini, antaranya ia-lah kawasan Padang Minyak Seria dan Kolam Ayer di-Bandar Brunei.

Dalam gambar ini kelihatan para pelawat itu bergambar dengan beberapa orang Pegawai2 Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei.

*Gunakan-lah
Bahasa Melayu--
Bahasa
Kebangsaan
Negeri Brunei*

ngetahuan, faktor2 pergolakan kebangsaan dan sa-bagai alat penyatuan ra'ayat atau masa yang terpisah ka-dalam suatu golongan apa yang di-katakan bangsa atau nation.

Bahasa pendek-nya mempengaruhi segala ruang kehidupan manusia dalam dunia moden.



Dunia Hari Ini:

Pilehan Raya Yang Menentukan Pemimpin Baru

SEMBELAN November hari Thalatha, ada-lah masa yang menentukan siapakah orang-nya yang bakal menjadi president Philipina yang baharu, apabila pilehan raya dijalankan nanti.

Hari Thalatha 9 November juga telah di-telek oleh seluruh ra'ayat Philipina sebagai masa perubahan suasana pemerintahan untuk masa depan mereka, setelah satu di-antara tiga buah parti politik yang terkemuka di-Philipina, ia-itu Party Liberal yang sekarang memerintah, Party Nasionalista dan sa-buah party yang di-tubuhkan semula Pembangunan Untuk Philipina atau Party of Philippine Progress, menang dalam pilehan raya nanti berkuasa.

PEMERENTAHAN

Sekarang party Liberal pimpinan Diosdado Macapagal menguasai pemerintahan, di-pilih sa-telah menang dalam pilehan raya president dalam tahun 1961, telah mengalahkan Nasionalista.

Pemilihan Diosdado Macapagal pada masa itu ada-lah saimbang dan sesuai dengan kehendak ra'ayat Philipina yang chintakan kapada perjuangan party pimpinan beliau untuk meneruskan pemerintahan.

Tujuan utama semua party yang bertanding ada-lah serupa apabila mereka memegang tampok kerajaan nanti, tetapi mereka menjalankan kempen kerana merebut sambutan hangat di-kalangan ra'ayat sendiri adalah berlainan, masing2 mengeluarkan ikir yang bersemangat, menentang antara satu dengan lain untuk itu.

Kempen pilehan raya yang berjalan kira2 sa-tahun penuh di-seluruh kepulauan Philipina itu tentu-nya merupakan tanda soal yang paling besar di-kalangan dunia, terutama sekali kawasan sa-belah sini tentang dasar depan Philipina selepas pilehan raya, dan ra'ayat Philipina sendiri tentang siapakah orang yang patut di-pilih kerana meletakkan kepercayaan untuk menjamin masa depan mereka, dalam sa-buah negara yang aman, damai dan mamor.

PEMBANGUNAN

Tiga orang akan bertanding. Ini meliputi Diosdado Macapagal dari parti Liberal yang sekarang memerintah, Senator Marcos memimpin party Nasionalista dan Manglapus dari parti pembangunan untuk Philipina.

Diosdado Macapagal yang menang jawatan sebagai Naib President dalam tahun 1957, menjadi president Philipina dalam tahun 1961, sa-telah mewaskan Carlos Garcia yang

Di-Philipina oleh Hanafi Joffri

bertanding untuk mempertahankan jawatan selama empat tahun lagi.

Sebagai president Philipina Diosdado Macapagal sangat giat dalam usaha memperkuat dasar ekonomy negara dan dasar luar-nya, terutama sekali mengenai tuntutan-nya ka-atas wilayah Sabah tidak lama dulu, dan mengenai chadangan pembentokkan sa-buah gabungan negara yang di-gelar Maphilindo, ia-itu Pertubuhan yang meliputi Malaya, Philipina dan Indonesia.

Dalam perjuangan 9 November, Diosdado Macapagal menghadapi tentangan dari Senator Marcos, chalon yang di-katakan di-sanjong oleh seluruh ra'ayat Philipina sebagai pahlawan negara.

Senator Marcos menyertai Dewan Congress Philipina ketika berusia 32 tahun, dan dalam tahun 1962 menjadi Yang Di-Pertua Dewan Senate dari party Nasionalista, dari keluarga yang berkecimpung dalam siasah.

Dia pernah menjadi Yang Di-Pertua Party Liberal yang memerintah sa-belum berpecah memasuki dalam party Nasionalista.

PENUBOHAN

Dalam parti ini-lah dia telah di-angkat menjadi chalon untuk melawan Diosdado Macapagal.

Chalon ketiga Senator Manglapus. Dia pada satu masa pernah mengadakan perikatan dengan party Liberal Macapagal dalam tahun 1961 dan menark diri keluar dari Liberal lewat tahun sudah, untuk menubuhkan semula party Progressive.

Manglapus bersama Senator Manuel Manahan, telah menghidupkan semula party ketiga pimpinan-nya dalam tahun 1957. Party tersebut mengandungi anggota dan penyokong2 yang bekerja rapat dengan mendiang President Ramon Magsasay yang telah menghancurkan pemberontakkan Kominis sa-lepas perang.

Magsasay telah menemui maut-nya dalam satu kemalangan kapal terbang awal dalam tahun 1957.

Party Manglapus yang memimpin gulungan kelas dua di-katakan mendapat sokongan dari gereja Catholic Philipina, dan sambutan muhibbah dari orang2 Amerika.

Sekarang Party Manglapus terpaksa bertanding melawan dua buah party politik yang terkemuka yang mempunyai satu chara sistem yang serupa ia-itu Liberal dan Nasionalista.

Menurut kalangan di-Manila, kemenangan untuk Senator Manglapus amat-lah tipis, kerana memandang kapada kemajuan dua buah party tersebut selama ini.

Dalam menjalankan kempen ketiga2 orang chalon jelas telah bergerak menemui segenap lapisan ra'ayat Philipina di-seluruh kepulauan itu.

Kalau kita meninjau ka-Philipina baru2 ini, di-dapati di-mana2 sahaja terlekat poster2, atau pekat2 symbol party yang bertanding.

PEMILIHAN

Chalon2 yang berkempen memberikan ucapan, cheramah menerusi radio dan television dan mereka juga menerbitkan manifesto untuk umum. Mungkin paling seronok sekali kalau dapat di-lihat, kerana ini sa-olah2 merupakan perang mulut, perang yang mendorong segenap lapisan ra'ayat yang mengundi, supaya mengundi party yang memberikan cheramah pilehan.

Sa-tiap chalon memberikan janji2 jika menang sa-telah pemilihan dan ini ada-lah hebat yang jarang kita alami di-negeri kita ini, walau pun sudah dua kali mengadakan pilehan raya dalam tahun 1962 dan tahun ini.

Di-Philipina sekarang di-kedai2 kopi, di-luar panggong wayang, dalam bas, di-taman gembira dan di-mana sahaja, ra'ayat Philipina heboh dengan perbualan pilehan raya.

Party2 yang bertanding mengemukakan rancangan perjuangan masing2 untuk menarek pengundi. Ada sa-tengah2 kalangan meramalkan bahawa tokoh2 yang bertanding itu sendiri tidak penting, tetapi yang lebeh penting dan pertimbangan yang

harus di-ambil ia-lah dasar yang di-kemukakan oleh party2 itu.

Dan di-sini-lah pengundi2 terpaksa menilai dengan saksama sa-tiap sikap daripada chalon2 dan party2 yang bertanding itu. Sa-perti biasa, di-mana2 pilehan raya pengundi2 terpaksa menggunakan kebijaksanaan mereka memilih, untuk kepentingan masa depan mereka dan negara-nya.

Philipina menchapai taraf kemerdekaan dalam tahun 1946, sa-lepas mengadakan pilehan raya yang pertama dalam tahun 1941.

Dalam tahun itu Manuel Roxas di-pilih menjadi president Philipina. Dia meninggal dunia dalam tahun 1948 sa-telah di-serang pengakit jantung dan di-gantikan oleh Elpidio Quirino.

Dalam pilehan raya tahun 1949, Quirino telah di-pilih menjadi pemimpin Philipina. Dalam pilehan raya 1953, Quirino telah di-kalahkan oleh Ramon Magsasay.

Ramon Magsasay telah meninggal dunia dalam tahun 1957, dalam satu kemalangan kapal terbang dan digantikan oleh Carlos Garcia yang pada ketika itu menjadi Naib President.

Dalam pilehan raya tahun 1961 Diosdado Macapagal telah di-pilih menjadi president hingga hari ini, dan perkhidmatan-nya selesai apabila pilehan raya di-jalankan pada hari Thalatha 9 November.

Bagaimana pun untuk menentukan party politik yang akan memegang pemerintahan di-Philipina, buat selama empat tahun yang akan datang molek-lah kita nantikan hasil pilehan, yang berlangsung itu.

Sembilan orang Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Kedah telah melawat ka-Brunei baru2 ini sa-lepas melawat Taiwan dan Sabah. Dalam gambar ini kelihatan sa-orang Ahli Majlis Mashuarat Negeri Kedah sedang berchakap dengan Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar (bilangan kedua dari kiri) di-satu majlis jamuan teh yang telah diadakan di-Bandar Brunei sa-bagai meraikan lawatan Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Kedah ka-negeri ini.



TAWARAN TAWARAN

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Pengurus, Lembaga Tawaran2 di-Jabatan Kewangan Negara Brunei di-Bangunan Pejabat2 Kerajaan Brunei di-tingkat bawah, daripada Kontrektor2 bagi Kelas A dan B yang berdaftar dengan Jabatan Kerajaan, Brunei sahingga jam 4.00 petang hari Ithnin 15 November, 1965.

BAGI MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN2 YANG TERSEBUT DI-BAWAH INI:—

SABUAH MASJID DAN SABUAH CLINIC, DI-KAWASAN PERPINDAHAN KAMPONG AYER DI-BERAKAS, BRUNEI.

2. Tawaran2 yang di-terima sudah waktu ini akan di-tolak.

3. Pelan2 dan butir2 kenyataan boleh-lah di-lihat dan segala butir2 yang lain boleh di-perolehi dari Pejabat Jabatan Perindahan Kampong Ayer, Brunei semasa waktu bekerja biasa.

4. Tawaran2 mesti-lah di-masukkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenal siapa nama si-penawar.

5. Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran2 di-Jabatan Kewangan Negara, Brunei di-Bangunan Pejabat2 Kerajaan Brunei di-tingkat bawah.

6. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebut dengan terang di-atas sampol surat dengan perkataan-nya:—"MEMBINA DAN MENYIAPKAN SABUAH BANGUNAN MASJID DAN SABUAH BANGUNAN CLINIC, DI-KAWASAN PERPINDAHAN KAMPONG AYER DI-BERAKAS, BRUNEI".

7. Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

8. Bayaran chengkeram tawaran ia-lah \$200.00 (Dua ratus ringgit sahaja). Chengkeram ini boleh di-kembalikan kepada si-penawar2 yang tidak berjaya selepas sahaja keputusan-nya di-ketahui. Wang chengkeram akan hilang jika si-penawar yang berjaya menulak tawaran tersebut.

9. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang berchetak yang boleh di-perolehi dari Pejabat Jabatan Perpindahan Kampong Ayer, Brunei dengan membayar chengkeram tawaran itu.

10. Tawaran yang di-buat di-atas lorang yang tidak betul akan di-tolak.

11. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sebarang tawaran.

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei sahingga jam 12.00 tengah hari Thalatha 23 November, 1965 bagi:

MENGADAKAN 30,000 TON BATU TEMPATAN YANG BELOM DI-PECAHKAN KAPADA JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI.

2. Penentuan2 (specification) boleh di-lihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara Brunei semasa pejabat di-buka.

3. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang terchetak yang boleh di-dapati dengan membayar wang chengkeram tawaran sabanyak \$250.00 (Dua Ratus dan Lima Puluh Ringgit).

4. Wang chengkeram akan di-kembalikan kepada penawar2

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada kontrektor2 kelas "A" sahaja yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sahingga jam 12.00 tengah hari, hari Thalatha 23hb. November, 1965 bagi:

MEBINA DUA BUAH 12-PINTU SA-BUAH, FLAT KELAS "F" DI-JALAN MELABAU, BANDAR BRUNEI.

2. Pelan2 dan Penentuan2 (specification) boleh di-lihat dan butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara Brunei semasa pejabat di-buka.

3. Tawaran2 mesti-lah di-buat

Permohonan2 ada-lah diperlawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Juru Trengkas Melayu dalam Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D(a) 1 - 2 - 3 - 4 - 5 \$350 - 370 - 380x20 - 560. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Hanya mereka yang mempunyai kelayakan2 yang tersebut di-bawah ini di-kehendaki permohonan:—

Pemohon2 mesti-lah boleh menulis trengkas Melayu selaju 80 perkataan sa-minit dan boleh menaip sekurang2-nya 40 perkataan sa-minit.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar melauli Ketua2 Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantarkan laporan sulit dan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 November, 1965.

yang tidak berjaya selepas keputusan-nya di-siarkan. Wang chengkeram bagi penawar2 yang berjaya akan hilang jika ia menulak kejayaan-nya itu.

5. Tawaran2 mesti-lah di-masukkan ke-dalam sampol2 surat yang bertutup, dengan tidak mengenalkan nama penawar, di-atas sampol surat "Tawaran bagi MENGADAKAN BATU TEMPATAN YANG BELOM DI-PECAHKAN KAPADA J.K.R., BRUNEI" dan di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

6. Tawaran2 yang di-buat lain daripada yang di-kehendaki akan di-tolak.

7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sebarang tawaran.

di-atas borang2 tawaran yang terchetak yang boleh di-dapati dengan membayar wang chengkeram tawaran sabanyak \$500.00 (Lima Ratus Ringgit sahaja).

4. Wang chengkeram akan di-kembalikan kepada penawar2 yang tidak berjaya selepas keputusan-nya di-siarkan. Wang chengkeram bagi penawar2 yang berjaya akan hilang jika ia menolak kejayaan-nya itu.

5. Tawaran2 mesti-lah di-masukkan ke-dalam sampol2 surat yang bertutup, dengan tidak mengenalkan nama penawar, di-atas sampol surat "Tawaran bagi MEMBINA DUA BUAH 12-PINTU SA-BUAH, FLAT KELAS "F" DI-JALAN MELABAU, BANDAR BRUNEI", dan di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

6. Tawaran2 yang di-buat lain daripada yang di-kehendaki akan di-tolak.

7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sa-barang tawaran.

Tawaran akan di-terima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran, di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Bandar Brunei, hingga pukul 4.00 petang hari Ithnin, 15 November, 1965, bagi membekalkan perabot2 untuk Sekolah2 Melayu baharu di-Keriam, Kati Mahar, Subok dan Ukong.

Jumlah yang di-kehendaki adalah:

- (a) 18 SET perabot2 bilek darjah, tiap2 satu set akan mengandungi:
 - 30 buah meja murid2
 - 30 buah kerusi murid2
 - 1 buah meja guru
 - 1 buah kerusi guru
 - 1 buah almari
 - 1 buah papan hitam.
- (b) 4 SET perabot2 bilek guru, tiap2 satu set akan mengandungi:
 - 1 buah meja guru besar
 - 1 buah kerusi guru besar
 - 1 buah almari buku
 - 1 buah meja bilek rehat
 - 6 buah kerusi dengan alas tilam.

2. Perabot2 itu mesti-lah di-perbuat dari kayu meranti (meraka). 3. Butir2 keterangan yang lebih lanjut seperti, tinggi-nya meja2 dan kerusi2, dll. boleh-lah di-perolehi dari Jabatan Pelajaran, Bandar Brunei.

4. Tawaran2 mesti-lah di-hantar dengan menggunakan sampol surat biasa yang belum bertulis dan di-alamatkan seperti cheriaan satu 1 di-atas, dan perkataan "TAWARAN BAGI PERABOT2 UNTUK SEKOLAH2 MELAYU DI-KERIAM, KATI MAHAR, SUBOK DAN UKONG" mesti-lah di-tuliskan dengan terang di-atas sampol surat itu.

5. Tanda2 yang akan mengenalkan penawar tidak di-benarkan di-tulis di-atas sampol itu. Sebarang tawaran yang tidak di-alamatkan dengan betul akan tidak menerima pertimbangan.

6. Kerajaan tidak mengikat diri-nya menerima sebarang tawaran atau tawaran yang murah sekali.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 10 November hingga ka-hari Selasa, 16 November, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
	10	12-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07
	11	12-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07
	12	12-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07
	13	12-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07
	14	12-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07
	15	12-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07
	16	12-11	3-29	6-07	7-22	4-36	4-51	6-08

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

PERLAWANAN BOLA SEPAK SEKOLAH2 DAN MAKTAB2

BANDAR BRUNEI. — Keputusan Perlawanan Bola Sepak antara Sekolah2 dan Maktab2 atas anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei, yang telah di-jalankan pada minggu lalu ada-lah seperti berikut: —

(A) BAHAGIAN BRUNEI II.

1 November, 1965, Perlawanan Sa-tengah Akhir Pasokan Kumpulan "A" (Murid Kechil) antara Pasokan Sekolah Melayu Sg. Hanching dengan Pasokan Sekolah Melayu SUAS Muara bertempat di-padang Sekolah Melayu SMJA, dan keputusan-nya Sekolah Melayu Sg. Hanching menang dengan kemenangan gol 3 - 0.

3 November, 1965: Perlawanan Peringkat Akhir Pasokan Kumpulan "A" (Murid Kechil) antara Pasokan Sekolah Melayu Sengkuring dengan Pasokan Sekolah Melayu Sungai Hanching, bertempat di-padang Sekolah Melayu SMJA. Keputusan-nya, Pasokan Sekolah Melayu Sg. Hanching menang dengan kemenangan gol 1 - 0.

Maka dengan keputusan perlawanan itu Pasokan Sekolah Melayu Sg. Hanching menjadi Johan antara Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei II dan menjadi Wakil memasuki ka-Perlawanan Peringkat Negeri. Yang menjadi Naib Johan ia-lah Pasokan Sekolah Melayu Sengkuring.

Selesai sahaja perlawanan petang itu, hadiah Rebutan telah di-sampaikan oleh Penulong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Johari bin Abd. Razak kepada ketua Pasokan Sekolah Melayu Sg. Hanching, ia-itu Piah Pehin Orang Kaya Shahbandar Awang Haji Ahmad bin Md. Daud.

(B) BAHAGIAN BRUNEI I.

Perlawanan bagi Sekolah2 dan Maktab2 di-Bandar Brunei adalah di-jalankan dengan chara Pukul Keliling. Semua perlawanan bertempat di-padang Sekolah Melayu SMJA, Bandar Brunei.

Perlawanan yang telah di-jalankan pada minggu lalu ada-lah seperti berikut:

1. Pada 4 November, 1965: Tiga perlawanan di-jalankan serempak ia-itu dua pasokan Kumpulan "A" (Murid Kechil) dan satu pasokan Kumpulan "B" (Murid sedang). Pasokan2 yang bermain ia-lah: —

PASOKAN KUMPULAN MURID KECHIL

(i) Pasokan Sekolah St. George's berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Sungai Kebun. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Sg. Kebun menang 3 - 1.

(ii) Pasokan Maktab SOAS, berlawan dengan Pasokan Sekolah St. Andrew's. Keputusan-nya Perlawanan itu seri dengan tiada ber-

oleh Awang Md.

Hussain Zainal

oleh gol antara kedua pehak.

PASOKAN KUMPULAN MURID SEDANG

Pasokan Maktab SOAS, berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai. Keputusan-nya pasokan Maktab SOAS menang dengan kemenangan gol 7 - 1.

Pada 6 November, 1965. Oleh kerana keadaan cuaca kurang elok hanya satu perlawanan sahaja di-jalankan ia-itu kumpulan Murid kechil antara Pasokan Maktab SOAS berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu SMJA. Keputusan-nya Pasokan Maktab SOAS menang dengan kemenangan gol 1 - 0.

Pada 7 November, 1965: Dua perlawanan di-jalankan serempak ia-itu satu Pasokan Kumpulan Murid Kechil dan Satu Pasokan Kumpulan Murid Sedang. Pasokan yang bermain itu ia-lah: —

(i) Pasokan kumpulan Murid Kechil: antara Pasokan Sekolah St. Andrew's berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai. Keputusan-nya Pasokan SMLM menang dengan kemenangan gol 3 - 2.

(ii) Pasokan Kumpulan Murid Sedang: Antara Pasokan Sekolah Melayu SMJA berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai, keputusan-nya SMJA menang dengan kemenangan gol 9 - 1.

1. Pada 5 November, 1965: Perlawanan Suku Akhir Pasokan Kumpulan "A" (Murid Kechil) antara Johan Belait, Pasokan Maktab Anthony Abell Seria berlawan dengan Johan Brunei III Pasokan Sekolah Melayu Pulau Baru2, bertempat di-padang Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait. Keputusan-nya Pasokan Maktab Anthony Abell menang dengan kemenangan gol 2 - 0.

2. Pada 7 November, 1965: Perlawanan Suku Akhir Pasokan Kumpulan "B" (Murid Sedang) antara Johan Brunei III Pasokan Sekolah Melayu Pulau Berbunt berlawan dengan Johan Belait. Pasokan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait, bertempat di-padang SMAT. Keputusan-nya Pasokan SMAT menang dengan kemenangan gol 10 - 0.

Perlawanan2 yang akan di-

jalankan pada minggu ini ada-lah seperti berikut: —

(A) BAHAGIAN BRUNEI I.

1. Pada 8 November, 1965: Tiga perlawanan telah di-jalankan serempak, bertempat di-padang SMJA, di-mulakan jam 4-10 petang. Pasokan yang bermain ia-lah: —

(i) Pasokan Kumpulan "A" (Murid Kechil) antara Pasokan Sekolah Melayu Pintu Malim berlawan dengan Pasokan Maktab SOAS.

(ii) Pasokan Kumpulan Murid Kechil: antara pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Sg. Kebun.

(iii) Pasokan Kumpulan Murid Sedang: antara pasokan Sekolah St. Andrew's berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu SMJA.

(B) PERLAWANAN PERINGKAT NEGERI

1. Pada 11 November, 1965: Perlawanan Suku Akhir Pasokan kumpulan "A" (Murid Kechil) antara Johan Temburong Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hashim Batu Apoi dengan Johan Brunei II Pasokan Sekolah Melayu Sungai Hanching, bertempat di-Padang Batu Apoi, di-mulakan jam 4-00 petang.

2. Pada 12 November, 1965: Perlawanan Sa-tengah Akhir pasokan Kumpulan "B" (Murid Sedang) antara Johan Brunei I dengan Johan Belait Pasokan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait.

3. Pada 14 November, 1965: Perlawanan Sa-tengah Akhir pasokan Kumpulan "B" (Murid Kechil) antara Johan Belait, Pasokan Maktab Anthony Abell Seria dengan Johan Brunei I Pasokan Maktab SOAS, bertempat di-padang Sekolah Melayu SMJA di-mulakan jam 4-00 petang.

4. Pada 15 November, 1965: Perlawanan Suku Akhir Pasokan Kumpulan "B" (Murid Sedang) antara Johan Temburong, Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar dengan Johan Brunei II Pasokan Sekolah Melayu Delima I, bertempat di-padang Bangar Temburong, di-mulakan jam 4-00 petang.

Jawatan Kosong: Ketua Pembantu Teknik

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi memenohi jawatan sebagai Ketua Pembantu Teknik dalam Jabatan Talikom, Brunei. Kelayakan2 Persekolahan:

Lulus Form IV Inggeris atau mempunyai kelulusan yang sebanding dengan-nya serta lulus dalam perkara2 Ilmu Hisab dan Fisik.

Kelayakan2 Teknik:

Mempunyai kelulusan yang di-akui seperti "Ordinary National Certificate" atau yang sebanding dengan-nya; "City and Guilds Final Certificate" dalam "Telecommunications Engineering".

Kelulusan yang sama dengan perkara itu atau sijil yang menunjukkan bahawa calon2 telah menamatkan Kursus "Telecommunications Engineering" selama dua tahun dengan memuaskan akan di-pertimbangkan.

Selain dari kelayakan teknikal calon2 hendak-lah mempunyai pengalaman praktikal dalam "Telecommunications Engineering" selama 6 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$850x30 1060 - 1100 sa-bulan. Gaji pertama bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Kontrek selama 3 tahun termasuk-lah tempoh 6 bulan yang pertama sebagai dalam percuti-baan. Kontrek boleh di-baharui atas persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½ dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada chukai pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mestilah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Disember, 1965.

Jadual Lawatan "Doktor Penerbangan"

BANDAR BRUNEI. — Jadual lawatan Rombongan Perubatan yang menggunakan helikopter ke-beberapa tempat di-kawasan pedalaman di-Negeri Brunei dalam bulan November ada-lah seperti berikut:

10 November — Benutan. 13

November — Batu Apoi. 15 November — Sukang. 17 November — Lamaling. 22 November — Supon Besar. 24 November — Pengkalan Batu. 27 November — Amo dan 29 November — Melilas

PERADUAN BACHAAN AL-KORAN KAWASAN BRUNEI I

BANDAR BRUNEI. — Peraduan membaca kitab suci al-Koran bahagian Kawasan Brunei I telah di-langsungkan pada pagi hari Ithnin, 8 November, di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Dalam peraduan tersebut enam orang telah di-pilih untuk memasuki peraduan perengkat Daerah Brunei/Muara yang akan berlangsung pada 21 dan 22 November ini.

Mereka itu ia-lah Awang Sabtu bin Ahmad dari Kampong Kiarong; Awang Abdullah bin Metassan dari Kampong Kumbang Pasang; Awang Tahir bin Ja'afar dari Kampong Kiulap; Awang Mohd. Yusuf bin Abdul Latif, Kampong Sungai Kianggeh; Pengiran Mohidi bin Pengiran Omar, Kampong Sungai Kianggeh dan Awang Ahmad bin Abdul Razak dari Kampong Kiulap.

Oleh kerana hanya 5 orang saja yang mendaftarkan diri untuk memasuki peraduan tersebut dalam bahagian perempuan, maka dengan sendiri-nya mereka itu akan memasuki peraduan perengkat daerah.

Mereka itu ia-lah Dayang Damit binte Md. Yusuf, Dayang Aishah binte Md. Ja'afar, Dayang Aminah binte Siling, Dayang Fatimah binte Awang Tengah dan Dayang Mastura binte Md. Salleh.



Pasokan Istana Darul Hana telah mengalahkan Pasokan Penduduk2 Daerah Tutong dalam Perlindungan Tarek Kalat pusingan pertama di-padang berhadapan Asrama Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada petang hari Khamis 4 November, 1965. Dalam gambar ini kelihatan sa-bilangan daripada peserta2 Pasokan Istana sedang menarek kalat itu pada petang hari tersebut. Para penonton dalam gambar ini berpayong bukan-nya kerana kepanasan, akan tetapi kerana kejujukan.

Dapatkah pembaca meneka meng-apakah orang2 dalam gambar ini bergembira? Jawapan-nya ia-lah kerana Pasokan Penduduk2 Daerah Tutong telah menang pusingan kedua dalam Perlindungan Tarek Kalat dengan Pasokan Istana Darul Hana diTutong pada 4 November, 1965.



PERLAWANAN TAREK KALAT:

Pasokan2 Istana Dan Penduduk2 Tutong Seri

TUTONG. — Pasokan Istana Darul Hana, di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah seri dalam Perlindungan Tarek Kalat dengan Pasokan Penduduk2 Daerah Tutong yang di-ketuai oleh Awang Haji Ghazali bin Umar.

Perlindungan Tarek Kalat itu telah di-adakan sa-bagai sambutan Hari Ulang Tahun Ke-

puteraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan oleh penduduk2 Daerah Tutong dan telah di-langsungkan di-Padang kecil berhadapan Asrama Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada 4 November, 1965.

Terlebeh dahulu satu lagi perlindungan tarek kalat telah di-adakan antara Pasokan Pejabat2 Kerajaan dengan Pasokan Penduduk2 Daerah Tutong.

Pasokan Pejabat2 Kerajaan Tutong telah di-ketuai oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh.

Sa-belum Perlindungan Tarek Kalat itu di-mulakan, satu ucapan yang berharga telah di-lafadzkan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman.

Kemudian penduduk2 Daerah Tutong telah mempersembahkan pertunjukan Kesenian dan Kebudayaan bagi menyambut ketibaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ka-majlis tersebut.

Perlindungan Tarek Kalat yang telah di-tangguhkan itu, akan di-sambong sa-mula pada jam empat petang hari Khamis 11 November, 1965.

KOLERA

(Dari Muka 1)

kan kewajipan masing2 adalah perlu, ia-itu sa-tiap penduduk2 negeri ini hendaklah masing2 menjaga kebersihan dan kesehatan rumah tangga dan keluarga mereka seperti yang selalu-nya di-nasehatkan oleh doktor; dan * Mengadakan kaki-tangan2 perubatan dan kesehatan yang berkelulusan.

Perlumbaan Go-Kart

BERAKAS. — Satu temasha Perlumbaan Kereta2 jenis "go-kart", yang di-jadualkan berlangsung pada 26 September yang lalu dan di-tangguhkan kerana berlaku penyakit kolera, akan di-adakan di-satu kawasan Askar Melayu Diraja Brunei, di-Berakas Kem mulai jam 9-30 pagi hari Ahad 14 November, 1965.

Perlumbaan kereta2 go-kart itu di-adakan sa-bagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, di-bawah anjoran Kelab Motor Negeri Brunei.

Persidangan Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei akan mengadakan Mashuarat Konsil Penoh-nya di-ibu pejabat majlis itu, di-Jalan Kumbang Pasang pada hari Juma'at, 12 November ini mulai pukul 9-00 pagi.

Sa-ramai 50 orang perwakilan dari 23 buah persatuan belia di-negeri ini akan menghadiri mashuarat itu yang akan membincangkan beberapa agenda penting mengenai pergerakan belia.

Setia Usaha Agung Majlis itu, Awang Yahya bin Md. Yusuf menyatakan bahawa antara agenda2 mashuarat yang akan di-bincangkan itu ia-lah bagi mengadakan Seminar Belia Yang Ke-2 dan mengkaji sa-mula perlembagaan majlis itu bagi memperseusuaikan kehendak2 persatuan2 belia yang bergabung di-dalam majlis tersebut.

Mashuarat Konsil Penoh itu juga akan membincangkan mengenai kemungkinan majlis itu mengadakan Penerbitan Majallah-nya yang akan bertindak sa-bagai suara belia di-negeri ini di-samping menanamkan semangat chintakan tanah ayer dan negara.

Di-smping membentangkan pe-nyataan kewangan majlis itu, mashuarat tersebut juga akan membincangkan bagi mengadakan lambang Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei.



Pertandingan Pemilihan Bintang Radio Brunei bagi Kawasan Daerah Brunei telah di-adakan di-Studio Radio Brunei pada hari Juma'at dan pada petang hari Sabtu yang lalu. Dalam gambar ini

kelihatan sa-bilangan daripada biduan2 dan biduanis2 yang mengambil bahagian dalam pertandingan menyanyi itu sedang asheh mendengar nyanyian sa-orang penyanyi pada petang hari Juma'at yang lalu.